



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera
12 FEBRUARI 2019

MYCAR UJI APLIKASI VERSI BAHARU SEBELUM PELANCARAN PADA BULAN MAC INI

KUALA LUMPUR, 12 FEBRUARI 2019 - MyCar menafikan mengenai khabar angin kononya salah sebuah syarikat e-hailing telah mengambil alih syarikat MyCar serta menukar nama aplikasinya seperti yang diuar-uarkan di media social dan aplikasi *Whatsapp*.

Sebaliknya, MyCar ingin menjelaskan bahawa aplikasi BARG Driver adalah aplikasi versi beta yang dilancarkan oleh MyCar untuk menguji sistem aplikasi yang baharu itu.

Pengarah Platforms Apps Sdn Bhd, Encik Mohd Noah Maideen berkata, "Tujuan pelancaran aplikasi beta ini adalah untuk memantap dan melancarkan operasi dan pengalaman antara muka atau *interface experience* pengguna dan pemandu MyCar."

Platform Apps adalah pengendali MyCar, platform *e-hailing* yang pesat berkembang dengan 65,000 pemandu dan lebih 1.2 juta pengguna yang berdaftar.

"Aplikasi baharu ini akan dilengkapi dengan beberapa ciri baharui seperti sistem ganjaran dan program 'loyalty'. MyCar bakal melancarkan aplikasi versi baharu ini menjelang bulan Mac ini agar para pengguna dan pemandu dapat menggunakan khidmat *e-hailing* MyCar dengan lebih mudah dan selesa," tambah Mohd Noah.

Pengguna atau pemandu boleh hubungi pusat panggilan 24 jam MyCar di talian 03-7661 6208 untuk membuat sebarang pertanyaan atau aduan.

-Tamat-

Layari portal MyCar di www.mycar.asia atau hubungi Mohammad Shazie Zaini
Bahagian Komunikasi Korporat 03-3358 1808 / 012-789 8926